



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37
No. 24

25hb November 1993

TAMBAHAN No. 71
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 396.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB
PERKHIDMATAN AWAM 1993

KANDUNGAN

Peraturan

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Penubuhan Lembaga Tatatertib.
3. Fungsi Lembaga Tatatertib.
4. Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
5. Kuasa buang kerja dan turun pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
6. Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
7. Pengundian.
8. Rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.
9. Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan prosedur yang ditetapkan.
10. Peluang untuk didengar.

Peraturan

11. Lembaga Tatatertib boleh menghendaki suatu penyiasatan.
12. Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib.
13. Fungsi Lembaga Rayuan Tatatertib.
14. Rayuan.
15. Prosedur rayuan.
16. Pendengaran rayuan.
17. Kaedah-kaedah prosedur Lembaga Rayuan Tatatertib.
18. Pemansuhan.
19. Peruntukan kecualian dan peralihan.
20. Keputusan hendaklah diberitahu kepada pegawai secara bertulis.
21. Ketua Pengarah hendaklah memutuskan tafsiran terma.

JADUAL

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN
AWAM 1993

PADA menjulukan kuasa yang diberikan oleh Fasal (5#) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan. Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-
Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan
hendaklah mula berkuatkuasa pada 15hb Disember 1993. Nama dan mula
berkuatkuasa.
2. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga-Lembaga Tatatertib
Perkhidmatan Awam (setiap Lembaga kemudian daripada ini disebut
sebagai "Lembaga Tatatertib") seperti yang dinyatakan dalam ruang
1 Jadual; dan setiap Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada
anggota-anggota yang dinyatakan dalam ruang 4 Jadual. Penubuhan
Lembaga
Tatatertib.
 - (2) Walau apa pun subperaturan (3), mana-mana anggota
Lembaga Tatatertib (termasuklah Pengerusi) yang dinyatakan dalam
ruang 4 Jadual yang menjadi pengadu dalam apa-apa prosiding
tatatertib terhadap seseorang pegawai tidak boleh bersidang sebagai
anggota atau Pengerusi Lembaga Tatatertib untuk mendengar kes
terhadap pegawai itu.
 - (3) Ketua Setiausaha Negara boleh, atas sebab-sebab yang
hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, menamakan mana-
mana pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripada pegawai yang
dikenakan tindakan tatatertib untuk menggantikan mana-mana
anggota Lembaga Tatatertib yang dinyatakan dalam ruang 4 Jadual,
kecuali anggota yang dilantik bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.
 - (4) Kuorum bagi suatu mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah
terdiri daripada Pengerusi dan seorang anggota lain.
3. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan (3) peraturan ini dan
kepada peraturan 5, Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai
bidang kuasa dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan
kelakuan dan tatatertib semua orang yang dinyatakan dalam ruang
2 Jadual yang menjadi anggota perkhidmatan yang disebut dalam
perenggan (c) dan (f) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan
Persekutuan. Fungsi Lembaga
Tatatertib.
 - (2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai berkenaan dengan
pegawai yang memegang atau memangku jawatan Ketua Setiausaha
Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
 - (3) Lembaga Tatatertib yang dinyatakan dalam ruang 1 Jadual
hendaklah mempunyai bidang kuasa yang dinyatakan dalam ruang
3 Jadual.

- Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
4. Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan pegawai yang memegang atau memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- Kuasa buang kerja dan turunkan pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Teringgi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
5. (1) Kuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional hendaklah dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- (2) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam boleh, pada menjalankan kuasanya di bawah subperaturan (1), mengenakan apa-apa hukuman selain daripada turun pangkat atau buang kerja jika difikirkannya sesuai untuk berbuat demikian.
- Mesyuarat Lembaga Tatatertib.
6. Bagi maksud menjalankan fungsinya, Lembaga Tatatertib hendaklah mengadakan mesyuarat pada suatu tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditentukan oleh Pengerusi.
- Pengundian.
7. Semua soalan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah diputuskan mengikut kelebihan undi dan sekiranya bilangan undi itu sama banyak maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.
- Rekod mesyuarat Lembaga Tatatertib.
8. Pengerusi hendaklah menyebabkan rekod segala mesyuarat Lembaga Tatatertib disimpan.
- Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan prosedur yang ditetapkan.
9. Pada menjalankan fungsinya di bawah Peraturan-Peraturan ini Lembaga Tatatertib hendaklah mematuhi prinsip dan prosedur yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana peraturan atau arahan lain yang boleh dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Peluang untuk didengar.
10. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), tiada perintah untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat seseorang pegawai boleh dibuat oleh Lembaga Tatatertib dalam apa-apa prosiding tatatertib melainkan jika pegawai itu telah diberitahu secara bertulis mengenai alasan-alasan yang berdasarkannya tindakan itu dicadangkan diambil terhadapnya dan telah diberi peluang yang munasabah untuk didengar.
- (2) Subperaturan (1) tidaklah terpakai dalam hal-hal yang berikut:
- (a) jika seseorang pegawai dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
- (b) jika Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa kerana sesuatu sebab, yang hendaklah direkodkan olehnya secara bertulis, adalah tidak semunasabahnya praktik untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini.

- (c) jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak-kehendak peraturan ini; atau
- (d) jika apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi telah dibuat terhadap pegawai itu, atau jika apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainya, telah dikenakan ke atas pegawai itu, di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan, pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis.

11. Sebelum membuat sesuatu keputusan berkenaan apa-apa perkara yang mengenainya ia dikehendaki memutuskan sedemikian, Lembaga Tatatertib boleh, jika difikirkannya perlu untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya, menghendaki suatu penyiasatan dijalankan oleh seseorang pegawai atau suatu kumpulan pegawai bagi maksud mendapatkan suatu penjelasan dan suatu syor berkenaan dengan perkara tersebut.

Lembaga
Tatatertib boleh
menghendaki
suatu penyiasatan.

12. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini adalah dengan ini ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai "Lembaga Rayuan Tatatertib") yang terdiri daripada anggota-anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang pada masa ini dilantik di bawah Perkara 139 Perlembagaan Persekutuan.

Penubuhan
Lembaga Rayuan
Tatatertib.

(2) Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib. Jika Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam tidak dapat, atas apa-apa sebab, mempengerusikan Lembaga Rayuan Tatatertib, tempatnya hendaklah diambil oleh Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh mana-mana anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang lain yang dilantik secara khusus bagi maksud itu oleh Pengerusi.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga Rayuan Tatatertib bagi semua kakitanganambilan tempatan yang sedang berkhidmat dengan perwakilan Malaysia di luar negeri hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri atau wakilnya sebagai Pengerusi dan seorang wakil Peguam Negara dan seorang wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sebagai anggota.

13. Fungsi Lembaga Rayuan Tatatertib ialah untuk menerima, menimbang dan memutuskan apa-apa rayuan yang dibuat mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan berkenaan dengan apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib berhubungan dengan kelakuan dan tatatertib seseorang pegawai dalam mana-mana perkhidmatan yang disebutkan dalam peraturan 3.

Fungsi Lembaga
Rayuan Tatatertib.

- Rayuan.** 14. Mana-mana pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subperaturan 2(1) boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 12.
- Prosedur rayuan.** 15. (1) Suatu rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh seseorang pegawai yang disebut dalam peraturan 14 (kemudian daripada ini disebut sebagai "perayu") kepada Lembaga Rayuan Tatatertib melalui Ketua Jabatannya dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusan Lembaga Tatatertib itu diberitahu kepadanya secara bertulis.
- (2) Ketua Jabatan hendaklah, tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan itu daripada perayu, mengemukakan rayuan itu kepada Lembaga Tatatertib berserta dengan ulasannya.
- (3) Apabila menerima rayuan itu di bawah subperaturan (2) Lembaga Tatatertib hendaklah menyebabkan suatu salinan rekod prosiding Lembaga Tatatertib disediakan, termasuklah alasan yang Lembaga Tatatertib bergantung padanya dalam mencapai keputusannya.
- (4) Rekod prosiding yang disediakan di bawah subperaturan (3) berserta dengan alasan keputusan dan rayuan perayu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan Tatatertib tidak lewat daripada tiga puluh hari dari tarikh penerimaan rayuan itu oleh Lembaga Tatatertib.
- Pendengaran rayuan.** 16. (1) Apabila diterima dokumen itu, Pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah mengadakan suatu mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib untuk menimbangkan rayuan itu.
- (2) Lembaga Rayuan Tatatertib hendaklah memutuskan suatu rayuan semata-mata atas merit alasan rayuan itu tanpa menerima apa-apa pernyataan atau keterangan lanjut.
- (3) Walau apa pun subperaturan (2), Lembaga Rayuan Tatatertib boleh, menurut budi bicaranya semata-mata dan tertakluk kepada hak perayu untuk didengar, meminta apa-apa pernyataan atau keterangan daripada mana-mana orang jika pada pendapatnya ia adalah patut dan adil untuk berbuat demikian.
- (4) Setelah menimbangkan rayuan itu, Lembaga Rayuan Tatatertib boleh—
- (a) menghantar balik kes itu kepada Lembaga Tatatertib untuk ditimbang semula;
 - (b) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib;
 - (c) mengesahkan keputusan Lembaga Tatatertib tentang salah laku perayu itu, tetapi mengubah hukuman itu kepada hukuman yang lebih ringan; atau
 - (d) mengukaskan keputusan dan hukuman Lembaga Tatatertib dan membebaskan perayu.

(5) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib adalah muktamad.

17. Kaedah-kaedah yang dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi maksud mengawalselia prosedurnya yang pada masa ini berkuatkuasa hendaklah terpakai bagi Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 12 dengan apa-apa ubahsuaian yang perlu seolah-olah kaedah-kaedah itu menjadi sebahagian daripada Peraturan-Peraturan ini.

Kaedah-kaedah
primedur
Lembaga
Rayuan
Tatatertib.

18. Peratoran² Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam, 1972 adalah dimansuhkan.

Pemansuhan,
P.U. (A) 48/72.

19. (1) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang telah dimulakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan yang dimansuhkan oleh peraturan 18 atau oleh Lembaga Tatatertib (kemudian daripada ini disebut sebagai "Lembaga") sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini; dan segala perbuatan dan prosiding itu hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan atau dimulakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Lembaga Tatatertib atau Lembaga Rayuan Tatatertib seolah-olah Peraturan-Peraturan ini telah berkuatkuasa.

Peruntukan
kecualian
dan peralihan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan ini boleh disifatkan sebagai menyentuh atau mengambil apa-apa kuasa, keistimewaan atau perlindungan yang diberikan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau mana-mana anggotanya di bawah Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957.

Akta 393.

(3) Apa-apa prosiding tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai yang dimulakan oleh Lembaga sebelum mula berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan ini boleh diselesaikan oleh Lembaga itu walaupun pegawai itu telah dikelaskan semula di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1977 atau Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991 dan segala Pekeliling Perkhidmatan yang lain yang berhubungan dengan pengelasan pegawai-pegawai dan, walau apa pun peruntukan peraturan 2, 3 atau 4 mengikut kehendak keadaan, Lembaga itu hendaklah mempunyai segala kuasa Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(4) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Lembaga itu yang dibuat di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah peraturan 12.

20. Segala keputusan Lembaga Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib berkenaan dengan seseorang pegawai hendaklah diberitahu kepada pegawai itu secara bertulis.

Keputusan
hendaklah
diberitahu
kepada pegawai
secara bertulis.

21. Jika timbul kekeliruan tentang ungkapan "Ketua Jabatan" atau "Ketua Bahagian" atau "Ketua Perkhidmatan" bagi maksud Peraturan-Peraturan ini dan Jadual Pertama, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk suatu keputusan.

Ketua Pengarah
hendaklah
memutuskan
saharan sama.

JADUAL

LEMBAGA-LEMBAGA TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM
(Peralaturan 2)

Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4			
	Pengelasan Pegawai	Bidang Kuasa	Keunggulan Lembaga Tatatertib Mengikut Tempat Bekerja Sesecorng Pegawai			
Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan (No. 1)			Kementerian	Jabatan Persekutuan (Ibu Pejabat)	Jabatan Persekutuan (Negeri)	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
	<p>(a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi di bawah Sistem Saraan Baru Gred 2 dan ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi semua perkhidmatan selain daripada Perkhidmatan Penguasa Homba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara di bawah Sistem Saraan Baru</p> <p>(b)</p>	Tindakan tatatertib buikan dengan tujuan untuk luang kerja atau turun pangkat	<p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara Anggota: (i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (ii) Secorng pegawai yang telah dilantik oleh Perdana Menteri</p>	<p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara Anggota: (i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (ii) Secorng pegawai yang telah dilantik oleh Perdana Menteri</p>	<p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara Anggota: (i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (ii) Secorng pegawai yang telah dilantik oleh Perdana Menteri</p>	<p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Negara Anggota: (i) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (ii) Secorng pegawai yang telah dilantik oleh Perdana Menteri</p>

(c)	Gred 3 dan ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara di bawah Sistem Surau Baru					
(d)	Tingkatan Tertinggi 'G' dan ke atas dalam Kumpulan 'A' di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976	Tindakan tatalertib bukan dengan tujuan untuk huang kerja atau turun pangkat	Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian Iii	Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu	Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu di peringkat Ibu Pejabat	Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri
(e)	Gred 3 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi semua perkhidmatan selain daripada Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara di bawah Sistem Surau Baru		Pengerusi: Ketua Setiausaha atau Setiausaha Kementerian itu	Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu	Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu di peringkat Ibu Pejabat	Pengerusi: Setiausaha Kerajaan Negeri
Lembaga Tatalertib Kumpulan Pengurusan (No. 2)			Anggota: (i) Timbalan Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah bagi Bahagian-bahagian di bawah bidang kuasa mereka masing-masing dalam Kementerian itu	Anggota: (i) Timbalan Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Timbalan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Jabatan itu	Anggota: (i) Timbalan Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Timbalan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Jabatan itu di peringkat Ibu Pejabat	Anggota: (i) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri

Ruang 4			
Keanggotaan Lembaga Tertertib Mengikat Tempat Bekerja Seseorang Pegawai			
Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4
Lembaga Tertertib	Pengelasan Pegawai	Bidang Kuasa	Kementerian Jabatan Perkhidmatan (Ibu Pejabat) Jabatan Perkhidmatan (Negeri) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
	<p>(b) Gred 4 dan 5 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara di bawah Sistem Saran Baru</p> <p>(c) Tingkatan Biasa dan Tingkatan Kanan dalam Kumpulan 'A' di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976</p>		<p>(i) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kementerian itu</p> <p>(ii) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p>(ii) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri itu</p>

<p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan di peringkat Ibu Pejabat ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p> <p><i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan</p> <p><i>Anggota:</i> (i) Ketua Jabatan</p>	<p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p> <p><i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan</p> <p><i>Anggota:</i> (i) Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan di peringkat Ibu Pejabat</p>
<p>(ii) Sesorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>	<p>(ii) Sesorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>

Ruang 4			
Keanggotaan Lembaga Tatatertib Mengikut Tempat Kerja Sesenang Pegawai			
Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4
Lembaga Tatatertib	Pengelasan Pegawai	Bidang Kuasa	Jabatan Persekutuan (Negeri)
Lembaga Tatatertib bagi Kumpulan Sokongan (No. 1)	(a) Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saran Daru (b) Kumpulan 'B', 'C' dan 'D' di bawah Laporan Jawatan-Kuasa Kabinet 1976	Tindakan tatatertib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat	<p>Kementerian</p> <p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah bagi Bahagian-bahagian di bawah bidang kuasa mereka masing-masing dalam Kementerian itu</p>
			<p>Jabatan Persekutuan (Ibu Pejabat)</p> <p>Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Timbalan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Jabatan atau peringkat itu</p>
			<p>Jabatan Persekutuan (Negeri)</p> <p>Pengerusi: Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Ketua Pengarah, Ketua Jabatan itu di peringkat Ibu Pejabat</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Ketua Pengarah atau, jika Jabatan itu tidak mempunyai Timbalan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Jabatan itu di peringkat Ibu Pejabat atau sesorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Bomba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p>
			<p>Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</p> <p>Pengerusi: Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri</p>

<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Kementerian itu atau seorang wakil Peguam Negara</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Kementerian itu atau seorang wakil Peguam Negara <i>Pengerusi:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera <i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan <i>Anggota:</i> (i) Ketua Jabatan atau Timbalannya atau seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Hamba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Profesional</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Kementerian itu atau seorang wakil Peguam Negara <i>Pengerusi:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera <i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan <i>Anggota:</i> (i) Ketua Jabatan atau Timbalannya di peringkat Ibu Pejabat atau seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Hamba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Profesional</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Negeri atau Penolong kepada Penasihat Undang-Undang Negeri itu</p>
<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Kementerian itu atau seorang wakil Peguam Negara <i>Pengerusi:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera <i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan <i>Anggota:</i> (i) Ketua Jabatan atau Timbalannya atau seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Hamba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Profesional</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Kementerian itu atau seorang wakil Peguam Negara <i>Pengerusi:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera <i>Pengerusi:</i> Ketua Setiausaha Kementerian yang mempunyai bidang kuasa ke atas Jabatan berkenaan <i>Anggota:</i> (i) Ketua Jabatan atau Timbalannya di peringkat Ibu Pejabat atau seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Hamba dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Profesional</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Negeri atau Penolong kepada Penasihat Undang-Undang Negeri itu</p>	<p>(ii) Penasihat Undang-Undang Negeri atau Penolong kepada Penasihat Undang-Undang Negeri itu</p>

Ruang 4			
Keanggotaan Lembaga Tertertib Mengikat Tempat Bekerja Sesorang Pegawai			
Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4
Lembaga Tertertib	Pengelasan Pegawai	Bidang Kuasa	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
<p>Lembaga Tertertib bagi Kumpulan Sokongan (No. 2)</p>	<p>(a) Kumpulan Sokongan di bawah Sistem Saruan Baru (b) Kumpulan 'B', 'C' dan 'D' di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976</p>	<p>Tindakan tertertib bujukan dengan tujuan untuk atau turun pangkat</p>	<p>Pengerusi: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri</p>
		<p>Pengerusi: Timbalan Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah bagi Bahagian-bahagian di bawah bidang kuasa mereka masing-masing dalam Kementerian itu</p> <p>Anggota: (i) Setiausaha Bahagian atau Timbalan Ketua Pengarah bagi Bahagian-bahagian di bawah bidang kuasa mereka masing-masing</p>	<p>Pengerusi: Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Tempatan yang berpangkat tidak rendah daripada sesorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Bahagian Tempatan atau pegawai terkanan yang berikutnya selepas Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Tempatan itu yang berpangkat tidak rendah daripada sesorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p>
		<p>Pengerusi: Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Tempatan</p> <p>Anggota: (i) Timbalan Ketua Jabatan atau Timbalan Ketua Bahagian Tempatan atau pegawai terkanan yang berikutnya selepas Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Tempatan itu yang berpangkat tidak rendah daripada sesorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p>	<p>Pengerusi: Ketua Jabatan atau Ketua Bahagian Tempatan itu yang berpangkat tidak rendah daripada sesorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional</p> <p>Anggota: (i) Ketua Penolong Setiausaha</p>

<p>(ii) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Domilia dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Kementerian yang berkenaan yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Jabatan di peringkat Negeri ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri itu</p>
<p>(ii) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Domilia dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Kementerian yang berkenaan yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Jabatan di peringkat Negeri ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri itu</p>
<p>(ii) Seseorang pegawai yang berpangkat tidak rendah daripada Gred 2 (atau Gred 3 dalam Perkhidmatan Penguasa Domilia dan Perkhidmatan Penguasa Penjara) dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Kementerian yang berkenaan yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Pengarah atau Ketua Jabatan ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p> <p><i>Pengecualian:</i> Jika Ketua Jabatan di peringkat Negeri ialah seorang anggota Pasukan Polis atau Angkatan Tentera</p>	<p>(ii) Seseorang pegawai daripada Kumpulan Profesional yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri itu</p>

Ruang 4			
Keanggotaan Lembaga Tertertib Mengikat Tempat Kerja Seceurang Pegawai			
Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4
Lembaga Tertertib	Pengetahuan Pegawai	Bidang Kuasa	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Kementerian		Jabatan Persekutuan (Ibu Pejabat)	Jabatan Persekutuan (Negeri)
		<p>Anggota:</p> <p>(i) Ketua Jabatan atau Timbalannya</p> <p>(ii) Seceurang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah ditantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>	<p>Anggota:</p> <p>(i) Ketua Jabatan atau Timbalannya</p> <p>(ii) Seceurang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang telah ditantik oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu</p>

Ruang 1	Ruang 2	Ruang 3	Ruang 4
Lembaga Tataerib	Pengelasan Pegawai	Bidang Kuasa	Keanggotaan Lembaga Tataerib Mengikut Tempat Kerja Seseorang Pegawai
Lembaga Tataerib bagi kakitangan perwakilan di luar negeri	Semua kakitangan ambilan tempatan perwakilan Malaysia di luar negeri	Semua bentuk tindakan tataerib termasuklah tindakan tataerib dengan tujuan untuk buang kerja atau turun pangkat	<p style="text-align: center;"><i>Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri</i></p> <p>Pengerusi: Ketua Perwakilan</p> <p>Anggota:</p> <p>(i) Pegawai berkanan yang berketuaya selaku Ketua Perwakilan</p> <p>(ii) Seseorang pegawai yang telah dilantik oleh Ketua Perwakilan itu yang berpangkat tidak rendah daripada pegawai yang dikenakan tindakan tataerib</p>

Dibuat pada 4hb Oktober 1993.
[JPA. Suluh TT: 2678 Jld. 9/(10); PN. (PU) 171a.]

Dengan Perintah,

TAN SRI DATU' SERI AHMAD SARI BIN ABDUL HAMID,
Setiausaha Jemaah Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

PUBLIC SERVICES DISCIPLINARY BOARD
REGULATIONS 1993

CONTENTS

Regulation

1. Citation and commencement.
2. Establishment of Disciplinary Boards.
3. Functions of the Disciplinary Board.
4. Disciplinary authority in respect of Chief Secretary to the Government and Director General of Public Service.
5. Power of dismissal and reduction in rank of officers in the Top Management Group and Managerial and Professional Group.
6. Meetings of the Disciplinary Board.
7. Voting.
8. Records of meetings of the Disciplinary Board.
9. Disciplinary Board to abide by principles and procedure laid down.
10. Opportunity of being heard.
11. Disciplinary Board may require an investigation.
12. Establishment of the Disciplinary Appeal Board.
13. Functions of the Disciplinary Appeal Board.
14. Appeal.
15. Procedure of appeal.
16. Hearing of appeal.
17. Rules of procedure of Disciplinary Appeal Board.
18. Repeal.
19. Saving and transitional provisions.
20. Decisions to be communicated to officer in writing.
21. Director General to decide on interpretation of terms.

SCHEDULE

FEDERAL CONSTITUTION

PUBLIC SERVICES DISCIPLINARY BOARD REGULATIONS 1993

In exercise of the powers conferred by Clause (5b) of Article 144 of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following regulations:

1. These Regulations may be cited as the **Public Services Disciplinary Board Regulations 1993** and shall come into force on the 15th December 1993. Citation and commencement.

